

SOALAN PENULISAN 1 (NOVEL JENDELA MENGHADAP JALAN)

Nilai keberanian merupakan salah satu daripada persoalan yang terdapat dalam novel yang dikaji. Jelaskan dua peristiwa yang dapat dikaitkan dengan nilai keberanian dalam novel Jendela Menghadap Jalan.

Jawapan:

Dalam novel _____, persoalan keberanian jelas ditonjolkan terutamanya melalui isu penculikan yang dialami oleh watak utama, _____. Keberanian ini bukan sahaja melibatkan kekuatan fizikal, malah merangkumi aspek emosi dan moral.

Salah satu peristiwa yang menunjukkan keberanian adalah ketika peristiwa _____ . Dalam keadaan yang mencemaskan, Lili tidak panik atau bertindak melulu. Sebaliknya, dia _____ dan berkomunikasi dengan penculik secara tenang. Tindakan ini menunjukkan _____ kerana Lili mampu berfikir secara rasional walaupun nyawanya terancam.

Selain itu, Lili juga menunjukkan keberanian apabila dia berusaha membantu _____. Walaupun mereka merupakan penculiknya, Lili tidak menunjukkan kebencian, sebaliknya _____. Dia cuba memahami masalah mereka dan memberikan nasihat agar mereka kembali ke jalan yang betul. Hal ini membuktikan bahawa Lili mempunyai _____ kerana sanggup berbuat baik kepada orang yang telah menganiayanya.

Kesimpulannya, kedua-dua peristiwa ini jelas menggambarkan persoalan keberanian dalam novel Jendela Menghadap Jalan. Keberanian yang ditunjukkan oleh Lili merangkumi aspek emosi dan moral, sekaligus menjadikan dirinya watak yang kuat dan berprinsip.

SOALAN PENULISAN 2 (NOVEL JENDELA MENGHADAP JALAN)

Nilai ketabahan merupakan salah satu daripada persoalan yang terdapat dalam novel yang dikaji. Jelaskan dua peristiwa yang dapat dikaitkan dengan nilai ketabahan dalam novel Jendela Menghadap Jalan.

Jawapan:

Dalam novel _____, persoalan ketabahan dapat dilihat dengan jelas melalui Konflik _____. Ketabahan merujuk kepada keupayaan seseorang untuk menghadapi dugaan hidup dengan sabar dan cekal walaupun berada dalam keadaan yang sukar.

Salah satu peristiwa yang menunjukkan ketabahan ialah apabila _____. Che Jah sering dipukul dan dilayan dengan kasar, namun dia tetap bertahan demi anak-anaknya. Walaupun hidup dalam ketakutan dan kesengsaraan, Che Jah tetap _____ kerana mahu memastikan anak-anaknya terus mendapat kasih sayang seorang ibu. Hal ini jelas menunjukkan _____.

Selain itu, Che Jah juga tabah dalam _____ walaupun hidup dalam serba kekurangan. Dia tetap menjalankan tanggungjawab sebagai seorang ibu dengan penuh dedikasi walaupun tidak mendapat sokongan daripada suaminya. Che Jah terus berusaha meneruskan kehidupan dan menjaga anak-anaknya walaupun konflik keluarga yang dihadapinya tidak pernah reda. Situasi ini membuktikan bahawa Che Jah mempunyai _____.

Kesimpulannya, persoalan ketabahan jelas digambarkan melalui watak Che Jah dalam novel Jendela Menghadap Jalan. Ketabahan yang dimilikinya membolehkan dia terus bertahan dan menghadapi pelbagai dugaan hidup demi kesejahteraan anak-anaknya.

SOALAN PENULISAN 3 (NOVEL JENDELA MENGHADAP JALAN)

Nilai kerjasama merupakan salah satu daripada persoalan yang terdapat dalam novel yang dikaji. Jelaskan dua peristiwa yang dapat dikaitkan dengan nilai kerjasama dalam novel Jendela Menghadap Jalan.

Jawapan:

Dalam novel _____, persoalan kerjasama jelas ditonjolkan melalui konflik antara _____ dalam kalangan penduduk kampung. Kerjasama amat penting bagi memastikan keharmonian masyarakat sentiasa terpelihara.

Salah satu peristiwa yang menunjukkan kerjasama ialah apabila penduduk kampung _____ . Walaupun terdapat perbezaan pendapat antara dua pihak, mereka tetap mengadakan _____ untuk mencari jalan penyelesaian. Sikap saling menghormati pandangan orang lain menunjukkan bahawa mereka mengamalkan nilai kerjasama demi mengelakkan perpecahan dalam masyarakat.

Selain itu, kerjasama juga dapat dilihat apabila Lili bersama penduduk kampung _____ . Lili memberikan pandangan yang rasional manakala penduduk kampung pula mula membuka minda untuk mencapai _____. Hasil daripada kerjasama ini, konflik dapat dikurangkan dan hubungan dalam kalangan penduduk kembali harmoni.

Kesimpulannya, persoalan kerjasama dalam novel Jendela Menghadap Jalan dapat dilihat melalui usaha penduduk kampung dan Lili dalam menyelesaikan konflik kubah. Kerjasama ini penting bagi memastikan keamanan dan perpaduan masyarakat sentiasa terpelihara.